

JAWATAN	SITE SUPERVISOR (GRED B7) (KONTRAK)- JABATAN PELABURAN STRATEGIK (ECO ARDENCE) 1 KEKOSONGAN
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> • Kelayakan minimum Diploma / STPM dalam apa-apa bidang yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan berpengalaman sekurang-kurangnya 4 tahun. • Jika kelayakan lebih tinggi memerlukan 3 tahun pengalaman. • Sekiranya tiada kelulusan akademik, calon hendaklah mempunyai pengalaman melebihi 7 tahun dan telah menjalani kursus yang berkaitan dalam bidang berkenaan.
Deskripsi Tugas	<ul style="list-style-type: none"> • Memantau dan melaksanakan sistem pengurusan keselamatan syarikat bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan statutori yang berkaitan serta menambah baik sistem pengurusan keselamatan secara berterusan melalui audit dalaman, taklimat kesedaran, latihan dan program induksi. • Bertanggungjawab memastikan prosedur dan amalan yang dilaksanakan adalah selaras dengan akta/peraturan keselamatan, kesihatan dan alam sekitar yang berkuat kuasa. • Menjalankan rondaan tapak harian dan pemeriksaan tapak mingguan bagi memastikan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan dipatuhi. • Mengenal pasti potensi bahaya, menilai risiko di tapak projek serta menentukan langkah kawalan yang diperlukan bagi memastikan keselamatan pekerja terjamin. • Menyediakan laporan keselamatan dan kesihatan termasuk cadangan pelan tindakan terhadap infrastruktur sedia ada, prosedur kerja dan amalan bagi tujuan penambahbaikan berterusan. • Berurusan dengan pihak berkuasa kerajaan seperti DOSH, BOMBA, DOE dan lain-lain berkaitan isu keselamatan dan kesihatan serta memastikan semua laporan dihantar mengikut tempoh yang ditetapkan. • Melaksanakan tugas projek, penugasan khas, kerja ad hoc berkaitan tugas serta apa-apa arahan lain yang diberikan oleh pihak pengurusan dari semasa ke semasa. • Memantau dan menyelia pelaksanaan program keselamatan dan kesihatan serta memberi penyeliaan dan penyelarasan terhadap aktiviti Pegawai/Penyelia Keselamatan Tapak.